

**PERATURAN PERTANDINGAN SUKAN BERBASIKAL  
SUKAN SABAH (SAGA) XI, TAWAU 2025  
(LELAKI & WANITA)**

## **1.0 PERATURAN AM**

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut Peraturan-peraturan **UCI (Union Cycling International)** serta **Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia**.
- 1.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, Undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.
- 1.3 Kejadian diluar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut:
  - 1.3.1 Sebarang kejadian am akan diputuskan berasaskan kepada **Peraturan Am Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025**.
  - 1.3.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Berbasikal Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025.
- 1.4 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Berbasikal Sukan Sabah XI (SAGA), Tawau 2025 adalah Muktamad.

## **2.0 TARIKH PERTANDINGAN DAN TAKLIMAT PENGURUS**

- 2.1 Taklimatt Pengurus Pasukan : **10 Oktober 2025**.
- 2.2 Pertandingan akan bermula pada **11 hingga 16 Oktober 2025**.

## **3.0 TEMPAT PERTANDINGAN**

- 3.1 Pertandingan akan diadakan di **Daerah Tawau**.
 

• Acara Sprint	: Jalan Persisiran Pantai Tawau
• Acara Time Trial	: Balung ke Sabah Sanctuary New Gateway Tawau
• Acara Basikal Bukit	: Litar Motorcross Kompleks Sukan Tawau
• Acara Downhill	: T.B.C

## **4.0 PENYERTAAN**

- 4.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua daerah penuh di Negeri Sabah.
- 4.2 Setiap dearah hanya boleh mendaftarkan satu (1) pasukan lelaki dan satu (1) pasukan wanita yang terdiri daripada:

	<b>Lelaki</b>	<b>Wanita</b>
Pengurus Pasukan	1 orang	
Jurulatih Pasukan	1 orang	1 orang
Mekanik	1 orang	-
Peserta	12 orang	12 orang
<b>Jumlah</b>	<b>15 orang</b>	<b>13 orang</b>

## 5.0 PENDAFTARAN DAN KELAYAKAN PESERTA

- 5.1 Hanya peserta yang lahir antara tahun **2005 hingga 2010** sahaja yang layak didaftarkan oleh sesuatu pasukan.
- 5.2 Semua pasukan hendaklah mengemukakan salinan Kad Pengenalan dan gambar berukuran pasport semasa pendaftaran peserta.
- 5.3 Sebarang pertukaran peserta/atlet atau pindaan/pertukaran kategori perlu mengisi **Borang Y** (pertukaran atlet) dan dihantar kepada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan sebulan sebelum kejohanan bermula.
- 5.4 Setiap peserta dan pegawai pasukan yang mewakili pasukan daerah masing-masing **diwajibkan mempunyai Lesen UCI tahun 2025** yang dikeluarkan oleh Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (PKBM) serta dipohon melalui persatuan sukan daerah yang diwakilinya.
- 5.5 Setiap pasukan tidak dibenarkan sama sekali menghantar salinan fotokopi lesen untuk tujuan menyertai pertandingan. Lesen hendaklah yang asal dan ditunjukkan semasa pemeriksaan lesen oleh Komisar yang ditugaskan.
- 5.6 Pendaftaran dan kelayakan peserta adalah tertakluk kepada **Peraturan Am Perkara 4.8 dan Perkara 4.9**.
- 5.7 **Jurulatih sukan Berbasikal setiap daerah perlu memiliki sekurang-kurangnya Sijil Kejurulatihan Tahap 1 atau Sijil Sains Sukan Tahap 1.**

## 6.0 MESYUARAT/TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN

- 6.1 Taklimat Pengurus Pasukan akan diadakan satu (1) hari sebelum pertandingan pertama dijalankan, masa dan tarikh akan dimaklumkan kelak.
- 6.2 Pengurus-pengurus Pasukan dikehendaki mengemukakan senarai nama peserta dengan Kad Pengenalan. **Tambahan kepada bilangan peserta yang telah didaftarkan tidak dibenarkan.**
- 6.3 Senarai peserta yang disahkan semasa Taklimat Pengurus Pasukan adalah muktamad.

## 7.0 ACARA-ACARA

- 7.1 Acara-acara yang dipertandingkan adalah seperti berikut :

Bil	Acara	Jarak	
		Lelaki	Wanita
1.	Ujian Masa Berpasukan	60 km	30 km
2.	Ujian Masa Perseorangan	30 km	20 km
3.	1000 meter	1000 m	-
4.	500m	-	500 m
5.	200 meter Sprint	200 m	200 m
6.	Cross Country Eliminator – MTB	1000 m	1000 m
7.	Cross Country Olympics – MTB	1 jam 20 min	1 jam 20 min
8.	Individu Down Hill – MTB	1.5 km	1.5 km
9.	Cross Country Team Relay (L&W) – MTB	4 Lap	

## 8.0 PERATURAN

### 8.1 Acara 60 KM Ujian Masa Berpasukan (Lelaki) Acara 30 KM Ujian Masa Berpasukan (Wanita)

- 8.1.1 Setiap pasukan dibenarkan menghantar **maksimum enam (6) orang, minimum empat (4) orang pelumba terbaik lelaki** dan **maksimum empat (4) orang, minimum dua (2) orang pelumba terbaik wanita** bagi acara tersebut.
- 8.1.2 Waktu perlumbaan dan kedudukan pelumba akan disediakan sekurang-kurangnya 1 hari (24 jam) sebelum perlumbaan. Setiap pelumba akan **dilepaskan setiap 2 minit** mengikut giliran yang telah diundi dan pasukan pelumba terbaik akan bermula akhir sekali.
- 8.1.3 Setiap pasukan akan diiringi oleh marsyal dan dibenarkan diiringi 10 Meter dibelakang oleh kenderaan pasukan.
- 8.1.4 Kenderaan pasukan dibenarkan untuk menggunakan loud hailer. Servis kerosakan hendaklah secara statik di bahu jalan sebelah kiri.
- 8.1.5 Semua pelumba dikehendaki memakai **Hard Shell Helmet** yang bersesuaian dan mempunyai ciri-ciri keselamatan.
- 8.1.6 Pasukan yang mencatatkan masa yang terbaik akan diisyiharkan sebagai pemenang. Catatan masa akan diambil dari pasukan yang sampai ke garisan penamat dalam sekumpulan dan masa pasukan akan diambil dari pelumba yang ketiga untuk kategori lelaki dan pelumba yang kedua bagi kategori wanita.
- 8.1.7 Semua basikal yang digunakan adalah dikehendaki mematuhi ukuran yang telah diluluskan oleh UCI.
- 8.1.8 Lain-lain peraturan yang terkini akan dibincangkan semasa mesyuarat pengurus-pengurus pasukan.

### 8.2 Acara 30 KM Ujian Masa Perseorangan (Lelaki) Acara 20 KM Ujian Masa Perseorangan (Wanita)

- 8.2.1 Setiap pasukan dibenarkan menghantar **maksimum empat (4) orang, minimum dua (2) orang pelumba terbaik lelaki** dan **maksimum empat (4) orang, minimum dua (2) orang pelumba terbaik wanita** bagi acara tersebut.
- 8.2.2 Waktu perlumbaan dan kedudukan pelumba akan disediakan sekurang-kurangnya 1 hari (24 jam) sebelum perlumbaan. Setiap pelumba akan **dilepaskan setiap 1 minit** mengikut giliran yang telah diundi.
- 8.2.3 Setiap pelumba dibenarkan diiringi oleh *marsyal* dan dibenarkan diiringi 10 Meter dibelakang oleh kenderaan pasukan.
- 8.2.4 Kenderaan pasukan dibenarkan untuk menggunakan loud hailer. Servis kerosakan hendaklah secara statik di bahu jalan sebelah kiri.

- 8.2.5 Semua pelumba dikehendaki memakai **Hard Shell Helmet** yang bersesuaian dan mempunyai ciri-ciri keselamatan.
  - 8.2.6 Pasukan yang mencatatkan masa yang terbaik akan diisyiharkan sebagai pemenang.
  - 8.2.7 Semua basikal yang digunakan adalah dikehendaki mematuhi ukuran yang telah diluluskan oleh UCI.
  - 8.2.8 Lain-lain peraturan yang terkini akan dibincangkan semasa mesyuarat pengurus-pengurus pasukan.
- 8.3 Acara 1,000 meter Sprint (Lelaki)  
Acara 500 meter Sprint (Wanita)**
- 8.4.1 Setiap pasukan dibenarkan menghantar **maksimum empat (4) orang, minimum satu (1) orang pelumba terbaik lelaki** dan **maksimum empat (4) orang, minimum satu (1) orang pelumba terbaik wanita** bagi acara tersebut.
  - 8.4.2 Waktu perlumbaan dan kedudukan pelumba akan disediakan sekurang-kurangnya 1 hari (24 jam) sebelum perlumbaan. Setiap pelumba akan **dilepaskan setiap 1 minit** mengikut giliran yang telah diundi.
  - 8.4.3 Setiap pelumba dibenarkan diiringi oleh *marsyal*.
  - 8.4.4 Semua pelumba dikehendaki memakai **Hard Shell Helmet** yang bersesuaian dan mempunyai ciri-ciri keselamatan.
  - 8.4.5 Pasukan yang mencatatkan masa yang terbaik akan diisyiharkan sebagai pemenang.
  - 8.4.6 Semua basikal yang digunakan adalah dikehendaki mematuhi ukuran yang telah diluluskan oleh UCI.
  - 8.4.7 Lain-lain peraturan yang terkini akan dibincangkan semasa mesyuarat pengurus-pengurus pasukan.
- 8.4 Acara 200 meter Sprint (Lelaki)  
Acara 200 meter Sprint (Wanita)**
- 8.4.1 Setiap pasukan dibenarkan menghantar **maksimum empat (4) orang, minimum satu (1) orang pelumba terbaik lelaki** dan **maksimum empat (4) orang, minimum satu (1) orang pelumba terbaik wanita** bagi acara tersebut.
  - 8.4.2 Basikal yang digunakan ialah basikal trek atau yang telah diubahsuai dan diluluskan semasa pemeriksaan basikal.
  - 8.4.3 Laluan yang digunakan mestilah rata dan berjarak 1000 meter serta ditutup sepenuhnya dari sebarang kenderaan.

- 8.4.4 Loceng akan dibunyikan pada jarak 500 meter dan pelumba akan mula membuat pecutan pada jarak 200 meter sebelum tamat. Masa setiap pelumba diambil pada jarak pecutan 200 meter.
  - 8.4.5 Semasa Pusingan Kelayakan, pelumba akan dilepaskan seorang demi seorang. Pelumba kedua akan dilepaskan sebaik sahaja pelumba pertama mencecah ke garisan penamat dan begitulah seterusnya. Masa setiap pelumba dicatat bagi menentukan susunan pelumba untuk pusingan pertama.
  - 8.4.6 Susunan pertandingan adalah seperti berikut: Pusingan Kelayakan, Pusingan Pertama, Repechages”, 1/8 Akhir, Suku Akhir, Separuh Akhir dan Akhir.
  - 8.4.7 Bermula dari peringkat Suku Akhir, 2 Saringan akan dijalankan bagi setiap pasangan pelumba dan saringan ketiga sebagai penentuan sekiranya diperlukan.
  - 8.4.8 Lain-lain peraturan yang terkini akan dibincangkan semasa mesyuarat pengurus-pengurus pasukan.
- 8.5 Acara Cross Country Eliminator (Lelaki)  
Acara Cross Country Eliminator (Wanita)**
- 8.5.1 Setiap pasukan dibenarkan menghantar **maksimum empat (4) orang, minimum satu (1) orang pelumba terbaik lelaki** dan **maksimum empat (4) orang, minimum satu (1) orang pelumba terbaik wanita** bagi acara tersebut.
  - 8.5.2 Trek hendaklah diantara 500 meter 1000 meter.
  - 8.5.3 Setiap pelumba wajib menjalani Latihan rasmi sebelum disenaraikan dalam senarai mula.
  - 8.5.4 Setiap pelumba hendaklah menyertai ujian masa perseorangan untuk penentuan kedudukan pemilihan dalam pusingan kelayakan.
  - 8.5.5 Pelumba adalah dikehendaki memasang Nombor Pelumba di badan dan Nombor Plate dan memakai helmet semasa menjalani Latihan rasmi dan perlumbaan.
  - 8.5.6 Pelumba tidak dibenarkan melipat atau merosakkan nombor plate dan nombor frame.
  - 8.5.7 Lain-lain peraturan yang terkini akan dibincangkan semasa mesyuarat pengurus-pengurus pasukan.
- 8.6 Acara Cross Country Team Relay - MTB (Berpasukan)**
- 8.6.1 Setiap pasukan bagi acara Team Relay **WAJIB** mendaftarkan **2 pelumba lelaki dan 2 pelumba wanita**.
  - 8.6.2 Setiap pelumba hendaklah menghabiskan 1 pusingan secara bergilir.

- 8.6.3 Giliran setiap pelumba hendaklah ditentukan oleh pengurus pasukan semasa pemeriksaan lesen dan tidak dibenarkan menukar kedudukan selepas senarai mula dikeluarkan.
- 8.6.4 Pertukaran hendaklah menggunakan cara sentuhan. Sekiranya pelumba berlepas sebelum menerima sentuhan daripada pasukan pelumbanya, pasukan tersebut akan dibatalkan.
- 8.6.5 Pasukan yang berjaya menghabiskan 4 pusingan akan dikira pemenang.
- 8.7 Acara Cross Country Olympics - MTB (Lelaki)  
Acara Cross Country Olympics- MTB (Wanita)**
- 8.7.1 Setiap pasukan dibenarkan menghantar **maksimum empat (4) orang, minimum satu (1) orang pelumba terbaik lelaki** dan **maksimum empat (4) orang, minimum satu (1) orang pelumba terbaik wanita** bagi acara tersebut
- 8.7.2 Masa yang dibenarkan untuk acara Cross Country lelaki dan wanita ialah **1 jam 20 minit**.
- 8.7.3 Trek hendaklah kurang dari 2 km bagi setiap pusingan.
- 8.7.4 Laluan kejohanan hendaklah disediakan 48 jam sebelum perlumbaan pertama dijalankan.
- 8.7.5 Pelumba akan diberi peluang meninjau laluan terlebih dahulu sebelum menyertai kejohanan tersebut dan latihan tidak dibenarkan semasa kejohanan dijalankan.
- 8.7.6 Pelumba adalah dikehendaki memasang Nombor Pelumba di badan dan Nombor Plate dan memakai helmet semasa menjalani latihan rasmi dan perlumbaan.
- 8.7.7 Pelumba tidak dibenarkan melipat atau merosakkannya nombor plate atau badan.
- 8.7.8 Pelumba mesti hadir untuk pemeriksaan di *call-up boxes* 15 minit sebelum masa perlumbaan untuk persediaan *staging*. Pelumba akan dipanggil ke grid permulaan mengikut susunan *ranking* masing-masing.
- 8.7.9 Seseorang pelumba tidak dibenarkan mendapat bantuan teknikal dari mana-mana pihak di sepanjang laluan melainkan di zon teknikal dan sesama pelumba sepasukan sahaja.
- 8.7.10 Lain-lain peraturan yang terkini akan dibincangkan semasa mesyuarat pengurus-pengurus pasukan.

## **8.8 Acara Individu Down Hill - MTB (Lelaki) Acara Individu Down Hill - MTB (Wanita)**

- 8.8.1 Laluan perlumbaan mestilah mempunyai 95% kayuhan menuruni bukit dan berakhir di tempat yang lain yang mana kedudukannya lebih rendah daripada permulaan.
- 8.8.2 Setiap pasukan dibenarkan menghantar **maksimum tiga (3) orang, minimum satu (1) orang pelumba terbaik lelaki** dan **maksimum tiga (3) orang, minimum satu (1) orang pelumba terbaik wanita** bagi acara tersebut
- 8.8.3 Setiap pelumba dimestikan menjalani 2 larian wajib sebelum disenaraikan dalam senarai mula *official timed-run*.
- 8.8.4 Setiap pelumba akan dilepaskan seorang demi seorang dimana pelumba wajib untuk mengambil bahagian dalam *official timed-run* sebelum *final*.
- 8.8.5 Masa terbaik semasa pusingan akhir dicatitkan oleh pelumba-pelumba akan dikira sebagai pemenang.
- 8.8.6 Semua pelumba dimestikan memakai pakaian keselamatan seperti *shin guard, elbow guard, neck brace, full body armour* dan sebagainya. **full face helmet, full finger glove dan long sleeve jersey adalah wajib.**
- 8.8.7 Pelumba tidak dibenarkan untuk memakai Go-Pro atau apa-apa kamera rakaman semasa *official practice* dan *final*.
- 8.8.8 Lain-lain peraturan terkini akan dibincangkan semasa mesyuarat pengurus pasukan.

## **9.0 TOPI KELEDAR (HELMET)**

- 9.1 Semua pelumba diwajibkan memakai topi keledar (*Hard Shell Helmet* atau *Full-Faced Helmet*) semasa latihan dan pertandingan.

## **10.0 PAKAIAN**

- 10.1 Semua peserta adalah dikehendaki memakai jersi yang mempunyai identiti daerah masing-masing semasa kejohanan mengikut keperluan acara.
- 10.2 Contoh baju/jersi yang akan digunakan semasa Kejohanan mesti dibawa untuk pemeriksaan oleh komisar bersama-sama pemeriksa lesen pelumba dan pegawai.

## **11.0 KOMISAR/PEGAWAI PERTANDINGAN**

- 11.1 Persatuan Sukan akan melantik Ketua Delegat Teknikal, Delegat-delegat Teknikal dan Pegawai-pegawai Teknikal setelah berunding dengan Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia tertakluk kepada Peraturan Am Perkara 14.2.

11.2 Ketua Delegat Teknikal akan mencadangkan kepada Majlis Sukan Negeri Sabah pegawai-Pegawai Teknikal/Komisar yang akan bertugas sepanjang Kejohanan ini berlangsung tertakluk kepada Peraturan Am Perkara 14.2.

11.3 Keputusan oleh Ketua Komisar dalam acara adalah muktamad. Sekiranya berbangkit sebarang perkara ia akan dirujuk kepada Juri Rayuan.

## **12.0 BANTAHAN/ TATATERTIB**

12.1 Semua pasukan boleh membuat bantahan. Hanya Pengurus Pasukan sahaja dibenarkan membuat bantahan. Bantahan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Ketua Komisar dan disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak **RM 300.00** tunai serta lesen UCI Pengurus Pasukan.

12.2 Wang pertaruhan akan lopus jika bantahan yang dikemukakan itu didapati tidak wajar.

12.3 Bantahan hanya boleh dibuat dalam masa 20 minit selepas keputusan diumumkan.

## **13.0 JAWATANKUASA BANTAHAN/TATATERTIB**

13.1 Pelantikan Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib dan Prosedur Aturcara Mesyuarat adalah terdiri dari Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Berbasikal Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025 seperti berikut:

13.1.1 Ketua Delegat Teknikal (selaku pengerusi);

13.1.2 Tiga (3) orang Pengurus Pasukan yang tidak terlibat dalam kes rayuan itu.

13.2 Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib akan bersidang dalam masa 30 minit setelah menerima laporan dari Pengadil atau Pegawai Pertandingan dan akan membuat sesuatu keputusan jika tindakan tatatertib perlu diambil.

13.3 Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib berhak mendapat sebarang maklumat daripada mana-mana pihak yang berkaitan dengan perkara yang dibincangkan untuk membuat sesuatu keputusan.

## 14.0 HADIAH-HADIAH

14.1 Pingat-pingat kemenangan akan disediakan seperti berikut:

### 14.1.1 Kategori Lelaki:

	Acara	Emas	Perak	Gangsa
1.	Ujian Masa Berpasukan	1(6)	1(6)	1(6)
2.	Ujian Masa Perseorangan	1	1	1
3.	1000 meter	1	1	1
4.	200 meter Sprint	1	1	1
5.	Cross Country Eliminator – MTB	1	1	1
6.	Cross Country Olympics – MTB	1	1	1
7.	Individu Down Hill – MTB	1	1	1
<b>Jumlah</b>		<b>7 (12)</b>	<b>7 (12)</b>	<b>7 (12)</b>

### 14.1.2 Kategori Wanita:

	Acara	Emas	Perak	Gangsa
1.	Ujian Masa Berpasukan	1(6)	1(6)	1(6)
2.	Ujian Masa Perseorangan	1	1	1
3.	500 meter	1	1	1
4.	200 meter Sprint	1	1	1
5.	Cross Country Eliminator – MTB	1	1	1
6.	Cross Country Olympics – MTB	1	1	1
7.	Individu Down Hill – MTB	1	1	1
<b>Jumlah</b>		<b>7 (12)</b>	<b>7 (12)</b>	<b>7 (12)</b>

### 14.1.3 Kategori Campuran:

	Acara	Emas	Perak	Gangsa
1.	Cross Country Team Relay – MTB	1 (4)	1 (4)	1 (4)
<b>Jumlah</b>		<b>1 (4)</b>	<b>1 (4)</b>	<b>1 (4)</b>

14.2 Semua atlet diwajibkan memakai jersi/seluar racing atau track suit atau kasut track (tanpa kaca mata/sun-glass serta topi) semasa menaiki podium untuk menerima hadiah. Membawa bendera tidak dibenarkan.

14.3 Pemberian pingat-pingat kemenangan adalah tertakluk kepada **Peraturan Tetap Perkara 14.3.**